



## PERHATIAN KEPADA PELAJAR SARJANA MUDA (LEPASAN DIPLOMA)

### PERMOHONAN PEMINDAHAN KREDIT BAGI SEMESTER I, SESI AKADEMIK 2020/2021

Dimaklumkan bahawa permohonan Pemindahan Kredit pelajar Sarjana Muda Lepas Diploma bagi Semester I, Sesi Akademik 2020/2021 adalah seperti berikut:

**Tarikh : 13 hingga 23 Oktober 2020**  
**Capaian : iStudent > eServices > Academic > Transfer Credit**

Pelajar perlu:

1. Semak struktur program masing-masing dan masukkan semua kursus semasa Diploma yang ingin dibuat Pemindahan Kredit;
2. Jelaskan bayaran RM30.00 menerusi perbankan online ke Bendahari USIM;
3. Muat naik slip bayaran serta salinan Transkrip Akademik Rasmi (Diploma).

Permohonan yang diterima selepas 23 Oktober 2020 tidak akan diproses.

Pelajar **WAJIB** mengikuti semua kursus yang telah didaftarkan sehingga keputusan rasmi Pemindahan Kredit dikeluarkan oleh Bahagian Pengurusan Akademik (BPA). Pelajar juga perlu membuat pengesahan kursus (pada minggu kelima perkuliahan) kerana kursus yang telah diluluskan untuk Pemindahan Kredit akan dikeluarkan dari daftar kursus pelajar secara automatik dan tidak akan tersenarai dalam senarai kursus untuk Peperiksaan Akhir Semester.

Sebarang kemusykilan boleh dirujuk terus ke pejabat Pentadbiran Fakulti atau Unit Pendaftaran Kursus dan Penjadualan, BPA.

Sekian, harap maklum.

**“BERILMU, BERDISIPLIN DAN BERTAKWA”**

Dikeluarkan oleh  
Bahagian Pengurusan Akademik  
Universiti Sains Islam Malaysia